BAB IV

PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI SYARIAH

4.0 Pendahuluan

Manusia dijadikan oleh Allah S.W.T di atas muka bumi ini sebagai khalifah untuk mentadbir alam seluruhnya. Dalam pembentukan individu juga masyarakat, undang-undang amat diperlukan untuk mengatur fitrah semulajadi manusia sebagai makhluk ciptaan Allah S.W.T. Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T juga telah mencipta undang-undang dan peraturan untuk dipatuhi dan dihayati oleh manusia. Dengan itu Allah S.W.T telah menetapkan untuk umat manusia syariat bagi mengatur seluruh kehidupan manusia termasuk di dalam pentadbiran dan pemerintahan negara.

Dalam buku ***Islam dan Keamanan Sejagat***, Sayyid Qutb menjelaskan bahawa Islam membentuk keamanan sosial dengan mengambil kesempatan daripada sifat undang-undang Islam dan maklumbalas manusia terhadapnya. Ini memberi kesan yang besar ke arah merealisasikan keamanan dalam masyarakat serta ke atas jaminan dan keselamatannya.[1]

Sayyid Qutb juga menjelaskan terdapat tiga sebab mengapa masyarakat melanggar undang-undang yang telah ditetapkan kepada mereka. Pertamanya ialah undang-undang dianggap tidak adil sekiranya ia menjaga kepentingan individu tertentu sahaja, atau kumpulan atau kelas. Kedua, terdapat satu bentuk perasaan yang memisahkan di antara semangat undang-undang dan semangat masyarakat di mana ia dilaksanakan. Ketiga, terdapat keinginan sesetengah individu unuk meningkatkan ego

mereka dengan cara menunjuk-nunjuk, supaya mereka dikenali dengan cara melanggar undang-undang, yang dikendalikan oleh individu, kelas atau institusi yang tidak bersimpati dengan mereka.[2]

4.1 Syariat Islam Dan Pembentukan Ummah

Syariat Islam merupakan asas pembentukan masyarakat. Menurut Sayyid Qutb dalam bukunya ***Islam dan Keamanan Sejagat*** bahawa undang-undang menyatukan keperluan manusia dengan tanggungjawab sosial dan menegah aktiviti-aktiviti yang berbahaya kerana sesebuah negara itu mempunyai tanggungjawab mutlak ke atas kebajikan ummah.[3]

Undang-undang menjadi pengatur dan pengawal kegiatan manusia. Oleh itu, undang-undang memainkan peranan penting dalam membentuk tamadun yang dicipta. Undang-undang yang cacat akan melahirkan tamadun yang cacat. Contohnya masyarakat jahiliyyah sebelum Islam dianggap masyarakat yang mundur kerana mereka sering bermusuhan sesama sendiri. Setiap suku mempunyai undang-undang tersendiri dan ketua suku mempunyai kuasa mutlak. Akhlak masyarakat tidak terkawal sehingga menyebabkan pelbagai kerosakan sosial. Keadaan ini tidak memungkinkan kemajuan yang sempurna dapat dicapai oleh sesuatu kelompok masyarakat.[4]

Keunggulan syariah Islam terbukti nyata apabila ia memperlihatkan kesesuaiannya yang tidak terdapat pada mana-mana sistem. Ia dapat menyempurnakan segala keperluan tanpa terikat dengan faktor masa, tempat dan suasana. Syariat Islam sebagai asas pembentukan masyarakat mempunyai ciri-ciri khusus. Antaranya ialah Allah S.W.T sebagai pencipta manusia, Maha Mengetahui segala perihal yang

dijadikan Nya. Allah S.W.T juga Maha Mengetahui akan segala keperluan manusia ciptaan Nya untuk mencapai kesempurnaan. Fitrah manusia ciptaan Nya tidak berubah sebab itulah undang-undang ciptaan Nya mempunyai prinsip yang tetap dan tidak berubah sepanjang zaman. Menggariskan prinsip-prinsip umum yang dapat diadakan pada setiap bahagian dan silih berganti tanpa keluar dari landasannya. Prinsip umum ini mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada individu atau masyarakat, politik, ekonomi, pentadbiran, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Prinsip yang melahirkan gerak kerja dan mendorong manusia bergerak maju.[5]

Manusia di atas muka bumi ini seharusnya menerima syariat yang digubal oleh Allah S.W.T sebagai pengatur hidup mereka dalam segala bidang kehidupan sama ada kemasyarakatan, ekonomi, politik, pentadbiran, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Syariat Islam mestilah dijadikan perundangan tunggal dalam kehidupan mereka. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam firmannya, Sayyid Qutb berhujjah dengan ayat yang bermaksudnya "*Sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang kafir*".[6]

4.2 Al-Quran dan Al-Sunnah Sumber Perlembagaan Islam

4.2.1 Al-Quran

Al-Quran adalah sumber pertama kepada hukum syarak juga pelbagai kaedah-kaedah syarak. Sayyid Qutb adalah seorang yang dapat melihat al-Quran itu hidup dalam diri manusia muslim. Beliau bukan sahaja dapat menikmati dan melihat keindahan susunan ayat-ayat dan kehalusan seni bahasa al-Quran dari sudut kesusasteraan malah lebih jauh dari itu di mana Sayyid Qutb memperlihatkan betapa al-Quran adalah sumber pembentukan fikiran dan perasaan.[7]

Al-Quran ialah kalam atau perkataan Allah S.W.T yang diwahyukan kepada Rasulullah S.A.W untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Di dalamnya terkandung ajaran Islam yang merangkumi aspek ketuhanan, pengetahuan tentang alam ghaib seperti malaikat dan Hari Pembalasan, asas perundangan, akhlak, fakta-fakta sains, sejarah manusia dan lain-lain lagi. Al-Quran menunjukkan bagaimana hubungan antara makhluk dengan Tuhan, sepatutnya dikendalikan dan bagaimana manusia harus berinteraksi sesama manusia, dan dengan makhluk lain. Pandangan hidup orang Islam dinyatakan di dalam al-Quran. Akhlak Islam yang diajar oleh Rasulullah S.A.W ialah akhlak yang disarankan di dalam al-Quran. Al-Quran adalah sumber inspirasi dalam membina tamadun Islam, kerana pendorong dan penggerak utama umat Islam ialah al-Quran.[8]

Dalam buku karangan beliau ***Hari Esok Untuk Islam*** Sayyid Qutb menyatakan bahawa Al-Quran telah menggambarkan bentuk-bentuk kehidupan, aspek-aspeknya, nilai-nilai dan tatacara hidup bagi manusia dengan serba baru dan betul-betul baru, meliputi upacara kehidupan individu, masyarakat, bangsa dan negara. Kelainan sistem Al-Quran itu dari sistem-sistem hidup yang lain kerana ia mampu mengetengahkan bentuk-bentuk yang jauh lebih tinggi, lebih mulia dan lebih bernilai dari kenyataan-kenyataan yang berlaku di kalangan umat manusia menurut hasil angan-angan dan fikirannya sendiri sebelum al-Quran diturunkan.[9]

Al-Quran mengajarkan sesuatu untuk difahami oleh masyarakat Islam. Al-Quran membongkar suatu hakikat nilai yang menjadi neraca pertimbangan dan hakikat perjuangan yang pasti ditempoh oleh orang-orang yang beriman. Al-Quran membuat garis panduan mengenai bentuk dan corak dakwah ke jalan Allah S.W.T mengenai

peranan ummah dalam melaksanakan dakwah dan risiko yang mungkin dihadapinya. Al-Quran juga memberikan garis panduan untuk orang yang beriman di samping memberikan bahan persediaan bagi mempertahankan jiwa raga mengikut ketentuan Allah S.W.T yang azali dan mengikut kebijaksanaan Nya.[10]

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa al-Quran sebagai *dustur* aqidah. Adalah menjadi kewajipan kita melepaskan diri daripada ikatan jahiliyyah dan kita tidak boleh bersikap terbuka kepadanya. Tugas kita sebagai umat Islam adalah untuk merubah peraturan jahiliyyah masa kini. Dengan itu sebagai umat Islam kita tidak boleh bersikap membuat perubahan yang minimum.[11]

4.2.2 Al-Sunnah

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa sumber pembentukan masyarakat Islam yang kedua ialah al-Sunnah. Sunnah adalah segala yang datang daripada Rasulullah S.A.W sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, teladan atau pengakuan dirinya.[12] Pembinaan masyarakat Islam yang jitu dan padu memerlukan individu-individu yang mempunyai keperibadian yang berasaskan kepada keimanan, ketaqwaan dan amal salih. Dari individu yang seragam inilah masyarakat Islam dibentuk.

Amalan Rasulullah S.A.W dalam pembentukan masyarakat merupakan sunnah yang wajib dijadikan sumber pembentukan masyarakat selepas al-Quran. Sumber utama pembentukan masyarakat ialah al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran menggariskan prinsip-prinsip asas kemudian dikuat, dijelas dan diperincikan oleh al-Sunnah. Daripada al-Quran dan al-Sunnah dicerakinkan aqidah, syariah dan akhlak untuk dilaksanakan di dalam kehidupan manusia. Pelaksanaannya ditunjukkan oleh

Rasulullah S.A.W dan para ulamak.[13] Terdapat banyak dalil al-Quran untuk berhujah dengan al-Sunnah dan wajib beramal dengannya.[14]

4.3 Cabaran-cabaran Perlaksanaan Undang-undang Islam

Pelbagai cabaran dihadapi dalam perjuangan Sayyid Qutb. Dalam usaha menghadapi cabaran ini pelbagai karya dihasilkan oleh Sayyid Qutb sebagai satu jalan untuk menyalurkan aliran pemikiran beliau. Dalam menghadapi gelombang komunisme dan kapitalisme, beliau telah menghasilkan karyanya yang bertajuk "***Keadilan Sosial Dalam Islam***". ***"Perdamaian Internasional dan Islam"***, serta ***"Pertempuran Antara Islam*** dengan Kapitalisme". Buku-buku yang dihasilkan ini mempunyai motif utama iaitu pertama menjelaskan Islam, sebagaimana diturunkan oleh Allah juga menjelaskan tentang kebenaran Islam serta kesesatan jahiliyyah.[15]

Nafsu manusia mempunyai perasaan walaupun manusia di zaman jahiliyyah dikenali sebagai golongan yang liar akal fikiran dan perasaan namun al-Quran telah mencabar keadaan ini dan akhirnya manusia menyahut kebenaran Ilahi.[16] Konsep Islam yang merupakan sustu sistem menurut pandangan Sayyid Qutb mempunyai kaitan antara kebendaan dan kerohanian di dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk hubungan antara Tuhan dan manusia. Merujuk kepada konsep Islam, Sayyid Qutb menjelaskan kehidupan manusia secara keseluruhannya menurut undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Menurut beliau lagi semua masyarakat semasa zamannya adalah kafir termasuk masyarakat Islam itu sendiri kerana mereka tidak patuh kepada perintah Allah S.W.T.[17]

4.3.1 Cabaran Liberalisme

Sistem liberalisme menjadikan demokrasi sebagai jalan keluar melarikan diri dari kuasa gereja dan menghapuskan hak-hak Tuhan gereja atas diri mereka. Aliran liberalisme mempunyai hubungan rapat kepada kelahiran negara Eropah. Rakyat telah diberi kebebasan berfikir dan memilih wakil-wakil dalam pemerintahan negara. Semuanya ini di negara Eropah membawa perubahan besar yang mengangkat rakyat dari ketiadaan insaniah dalam sistem milik tanah oleh bangsawan kepada perhubungan insaniah dalam lindungan demokrasi Eropah.[18]

Ajaran Islam bertentangan dengan aliran liberalisme kerana demokrasi yang dilaungan ini melepaskan diri mereka dari terikat dengan agama. Berbeza dengan ajaran Islam yang mementingkan konsep musyawarah dalam seluruh urusan pentadbirannya. Islam tidak bersifat penindasan terhadap umatnya malah menjamin keselesaan hidup mereka.

4.3.2 Cabaran Kapitalisme

Sistem kapitalisme bertentangan dengan undang-undang Islam kerana terdapat sifat-sifatnya yang melaksanakan pengambilan riba iaitu peminjaman wang melalui institusi kewangan (bank dan institusi kredit) yang dikenakan riba (faedah) ditetapkan dari awal lagi. Sebahagian besar dari barang-barang dan perkhidmatan yang dihasilkan di bawah sistem kapitalisme telah dibebankan bukan sahaja dengan faedah-faedah riba, tetapi juga dengan bayaran-bayaran pengiklanan yang berlebihan.[19]

Sistem ini jelas tidak memenuhi ciri-ciri sistem Islam. Islam mengharamkan riba dan menggalakkan agar jualbeli dilakukan menurut sistem Islam. Islam membanteras

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

unsur-unsur yang menindas masyarakat. Pengharaman riba jelas disebut di dalam al-Quran. Islam menolak kapitalisme kerana ia adalah teori buatan manusia yang dicipta untuk menentang peraturan syariah ciptaan Allah S.W.T yang bertindak merebut hak Allah S.W.T sebagai pembuat peraturan.[20]

4.3.3 Cabaran Komunisme

Sayyid Qutb di dalam bukunya ***Di Bawah Panji-Panji Islam*** telah mengkategorikan masyarakat komunis termasuk dalam masyarakat jahiliyyah. Keadaan ini melihat kepada beberapa sebab yang pertama, masyarakat komunis mengingkari Allah S.W.T dan kewujudanNya sama sekali, mengembalikan corak kehidupan manusia dan sejarahnya kepada kemampuan ekonomi dan penghasilannya. Kedua disebabkan masyarakat komunis membuat peraturan-peraturan pengabdian yang hanya ditujukan kepada kumpulan tertentu tidak ditujukan kepada Allah S.W.T.[21]

Islam menolak fahaman komunisme dalam undang-undang kerana secara keseluruhannya komunisme merupakan tindakan manusia untuk merebut hak Allah S.W.T. Manusia sebagai makhluk tentu tidak sanggup membuat undang-undang yang akan diterapkan kepada dirinya sendiri. Komunisme merupakan ancaman besar umat Islam yang boleh merosakkan aqidah dan pemikiran.[22]

4.3.4 Cabaran Sekularisme

Islam menolak undang-undang yang bersifat sekular. Syariat Islam adalah mencakupi segala aspek kegiatan manusia . Bagi setiap muslim seluruh kehidupannya adalah pengabdian kepada Yang Maha Asa, selaras dengan tujuan Allah S.W.T mencipta jin

dan manusia untuk mengabdikan kepada Nya. Fahaman sekular boleh memisahkan umat Islam dari ajaran Islam sebenar.

Proses sekularisasi telah dan sedang berlangsung tahap demi tahap. Sekularisasi pemerintahan diikuti oleh sekularisasi pemikiran dalam bentuk falsafah dan ilmu sekular dan seterusnya sekularisasi agama sendiri. Semangat memberontak terhadap agama, pemujaan terhadap materialisme sambil memandang remeh terhadap aspek spiritual, kegilaan kepada kebebasan adalah merupakan manifestasi sekularisme dan manifestasi jiwa yang ketandusan aqidah tauhid dan ianya boleh membawa kehancuran.[23]

Umat Islam wajar membina benteng ketahanan ummah bagi menghadapi golongan-golongan yang menghancurkan seperti komunis, sosialis, kapitalis, imperialis dan lain-lainnya. Benteng ketahanan ummah dapat menangkis gejala batil ini dengan aqidah, akhlak dan syariat Islam yang suci.

Rumusan

Undang-undang Islam mengatur kehidupan manusia dan sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Undang-undang Islam lengkap kerana ia digubal oleh Allah S.W.T dan semua manusia sama di hadapan undang-undang. Dalam perlaksanaan undang-undang Islam ketaatan kepada pemerintah itu bergantung kepada ikutan atau pegangan pemerintah kepada undang-undang Islam. Undang-undang Islam menyatukan keperluan manusia dengan tanggungjawab sosial di samping menegah aktiviti-avtiviti yang boleh merosakkan diri dan nyawa manusia.

Kesimpulannya dengan pelaksanaan undang-undang Islam akan menjamin keamanan dan keselamatan masyarakat kerana undang-undang yang diciptakan oleh Allah S.W.T ini sesuai dengan masa, suasana dan tempat. Syariat Islam asas pembentukan masyarakat yang bertamadun iaitu masyarakat yang maju berkembang serta patuh perintah Allah S.W.T dan Rasulnya. Syariat Islam menjadi benteng ketahanan ummah dalam menghadapi dunia globalisasi hari ini.

Nota Hujung

1. Sayyid Qutb, ***Islam dan Keamanan Sejagat***, (Kuala Lumpur: A.S.Noorden, 1993), hlm. 136.
2. Ibid., hlm. 136-137.
3. Ibid., hlm. 139.
4. Sayyid Qutb, ***Petunjuk Sepanjang Jalan, Cetakan Kelapan*** (Kuala Lumpur: Cresent News (KL) Sdn. Bhd, 1994) Cetakan Kelapan. Hlm. 3.
5. Ibid.,hlm. 4.
6. Sayyid Qutb, ***Bibliografi Asy-Syahid Sayyid Qutb***, (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1995), hlm. 5.
7. Sayyid Qutb, **Kebenaran** ***Al-Quran Tentang Kehidupan Akhirat, (Batu Caves: Thinkers Library, 1986),*** hlm. 3.
8. Sulaiman Nordin, Islam, ***Al-Quran dan Ideologi Masa Kini***, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 53-54.
9. Sayyid Qutb, ***Hari Esok Untuk Islam***, (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1982), hlm. 20.
10. Sayyid Qutb, ***Masyarakat Islam***, (Bandung: Yayasan al-Taufik Pt al-Ma'arif, 1977), hlm. 193.
11. Ibid., hlm. 194.
12. Sulaiman Nordin, ***Islam, Al-Quran***, hlm .226-227.
13. Ibid., hlm.227.
14. Ibid., hlm. 229.

15. Sayyid Qutb, ***Di bawah Panji-Panji Islam***, (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1984), hlm. 3.

16. Sayyid Qutb, ***Bibliografi***, hlm. 31.

17. William E.Shepard, "Middle Eastern Studies", ***Islam As A "System" in The Later Writings of Sayyid Qutb***, Vol.25. No. 1, (Januari 1989), hlm .39.

18. Sulaiman Nordin, ***Islam, al-Quran***, hlm. 172.

19. Ibid., hlm .178.

20. Mustafa Haji Daud, ***Pengantar Masyarakat Islam***, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm .47.

21. Sayyid Qutb, ***Di Bawah Panji-Panji***, hlm. 15.

22. Mustafa Haji Daud, ***Pengantar Masyarakat***, hlm .55-56.

23. Siddik Fadil, ***Kebangkitan Umat Kenyataan dan Harapan***, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 1977), hlm .29.